

Bil. S 32

AKTA LALULINTAS JALAN RAYA
(PENGAL 68)

ATURAN-ATURAN LALULINTAS JALAN RAYA (BANDAR SERI BEGAWAN)
(TEMPAT LETAK KERETA PERSENDIRIAN) (PINDAAN), 1999

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraiian (1) bab 92 dari Akta Lalulintas Jalan Raya, maka Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, dengan kebenaran Pihak Berkuasa Melesen Pengangkutan Bermotor, dengan ini membuat Aturan-Aturan yang berikut —

- Gelaran. 1. (1) Aturan-Aturan ini boleh digelar sebagai Aturan-Aturan Lalulintas Jalan Raya (Bandar Seri Begawan) (Tempat Letak Kereta Persendirian) (Pindaan), 1999.
- (2) Aturan-Aturan ini hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada 1 haribulan Ogos, 1999.
- Pindaan Aturan 3. 2. Aturan 3(3) dari Aturan-Aturan Lalulintas Jalan Raya (Bandar Seri Begawan) (Tempat Letak Kereta Persendirian), 1997 (selepas ini dipanggil Aturan-Aturan utama) adalah dipinda dengan memotong "aturan kecil (2) aturan 5" dari baris terakhir dan menggantikannya dengan "aturan 19(1)".
- Pindaan Aturan 4. 3. Aturan 4 dari Aturan-Aturan utama adalah dipinda dengan memotong "under" dari baris ketiga dan menggantikannya dengan "render".
- Pindaan Aturan-Aturan. 4. Aturan-Aturan utama adalah dipinda dengan memotong aturan 5 dan menggantikannya dengan yang berikut —
- "Permohonan bagi suatu lesen untuk menyelenggara atau mengendalikan tempat letak kereta persendirian. 5. (1) Permohonan bagi suatu lesen hendaklah dibuat secara bertulis dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan hendaklah disertakan dengan pelan tapak dan pelan terperinci yang menunjukkan susunatur yang lengkap dan sempadan-sempadan sebarang tempat yang dipohonkan oleh pemohon sebagai suatu tempat berlesen.
- (2) Borang permohonan tersebut hendaklah, apabila diisikan, ditandatangani —
- (a) jika pemohon itu adalah seorang individu, oleh pemohon itu atau wakilnya yang sempurna dilantik;

Bil. S 33

**AKTA MAHKAMAH RENDAH
(PENGAL 6)**

**ATURAN-ATURAN MAHKAMAH MAJISTRET
(FEE-FEE DAN KOS-KOS MAHKAMAH) (PINDAAN), 1999**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh bab 25 dari Akta Mahkamah Rendah (*Pengal 6*) maka Ketua Hakim, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, telah membuat Aturan-Aturan berikut —

1. (1) Aturan-Aturan ini boleh digelar sebagai Aturan-Aturan Mahkamah Majistret (Fee-fee dan Kos-kos Mahkamah) (Pindaan), 1999. Gelaran Pendek dan permulaan kuatkuasa.

(2) Aturan-Aturan ini hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada 1 haribulan September, 1999.
2. Fee-fee yang ditetapkan oleh Aturan-Aturan ini, hendaklah dikenakan terhadap semua prosiding-prosiding di dalam mahkamah-mahkamah yang berkenaan pada atau sebelum 1 haribulan September, 1999, sama ada atau tidak terdapat prosiding-prosiding mengenai perkara yang sama sebelum tarikh tersebut. Pengenaaan.
3. Fee-fee mahkamah yang dinyatakan di dalam Jadual kepada Aturan-Aturan Mahkamah Majistret (Fee-fee dan Kos-kos Mahkamah) 1992 (selepas ini dipanggil Aturan-Aturan utama) hendaklah dipinda dengan menggandakan semua fee-fee dan kos-kos di dalam Jadual itu, tertakluk kepada aturan 4. Pindaan Jadual.
4. (1) Butiran 17 dari Jadual kepada Aturan-Aturan utama hendaklah tidak diubah. Pindaan bagi Butiran-butiran 17 dan 27 dari Jadual tersebut.

(2) Butiran 27 dari Jadual kepada Aturan-Aturan utama hendaklah diempatkaligandakan.
5. (1) Tertakluk kepada cerai (2), hendaklah tidak ada award bagi fee-fee atau kos-kos kepada sesuatu pihak, melainkan apa yang dinyatakan di dalam Jadual tersebut. Kos-kos.

(2) Dengan tidak menghiraukan cerai (1) jika, sebelum tuntutan tersebut disampaikan, terdapat satu perjanjian oleh pihak tersebut yang memberi kesan berlawanan, maka Mahkamah hendaklah

(b) jika pemohon itu adalah suatu perbadanan, oleh seseorang pengarah atau setiausaha perbadanan itu;

(c) jika pemohon itu adalah suatu firma —

- (i) oleh semua individu yang menjadi rakan kongsi atau oleh wakil mereka yang sempurna dilantik dan oleh seseorang pengarah atau setiausaha semua perbadanan yang menjadi rakan kongsi; atau
- (ii) oleh seseorang individu yang menjadi rakan kongsi atau wakilnya atau seseorang pengarah atau setiausaha sesuatu perbadanan yang menjadi rakan kongsi.

(3) Tiap-tiap tandatangan di bawah perenggan (2) hendaklah disaksikan oleh seorang saksi yang juga akan menandatangani borang permohonan itu.

Pihak berkuasa tempatan boleh menghendaki pemohon untuk memberi maklumat.

6. Pada bila-bila masa sebelum keputusan sesuatu permohonan di bawah aturan 5 pihak berkuasa tempatan boleh menghendaki pemohon itu untuk memberi maklumat lanjut secara bertulis sebagaimana yang mungkin difikirkan mustahak oleh pihak berkuasa tempatan bagi permohonan tersebut.

Borang dan syarat-syarat lesen.

7. Suatu lesen hendaklah dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dan, tertakluk kepada aturan-aturan ini, hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat yang mungkin dalam setiap hal yang berasingan dikenakan oleh pihak berkuasa tempatan. Syarat-syarat tersebut, jika ada, hendaklah dicatatkan di belakang lesen itu.

Bayaran lesen.

8. Tiada lesen boleh dikeluarkan kecuali selepas bayaran yang berkenaan yang ditentukan dalam Jadual Ketiga dibayar kepada pihak berkuasa tempatan.

Tempoh lesen.

9. Tiap-tiap lesen hendaklah terus berkuatkuasa melainkan jika digantung, dibatalkan atau dimansuhkan bagi tempoh selama 12 bulan dari tarikh lesen itu dikeluarkan.

Lesen tidak boleh dipindah milik.

10. Tiada pemegang lesen boleh memindah milik lesennya kepada mana-mana orang lain.

Daftar Lesen

- Daftar.** 11. Pihak berkuasa tempatan hendaklah menyebabkan supaya disimpan suatu daftar semua lesen yang dikeluarkan dan hendaklah mencatatkan dalam daftar tersebut nombor lesen itu, nama pemegang lesen, tujuan lesen itu diberikan, kedudukan tempat berlesen dan tarikh lesen itu dikeluarkan dan tamat tempohnya.

Pertunjukan, pengemukaan dan penyerahan lesen

- Lesen hendaklah ditunjukkan, dikemukakan dan diserahkan.** 12. (1) Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah menyebabkan supaya lesennya dipamerkan di suatu tempat yang mudah dilihat dan boleh dimasuki di tempat berlesennya.

(2) Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah pada bila-bila masa yang munasabah mengemukakan lesennya jika dikehendaki untuk berbuat demikian oleh pihak berkuasa tempatan atau seseorang pegawai yang diberi kuasa.

(3) Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah menyerahkan lesennya kepada pihak berkuasa tempatan selepas tamat tempoh lesen itu diberikan atau setelah lesen itu dibatalkan.

Tanda-tanda petak letak kereta dan arahan di tempat letak kereta terbuka, tingkat bawah tanah dan bangunan bertingkat

- Tanda-tanda petak letak kereta dan arahan.** 13. Seseorang pemegang lesen yang menyelenggara atau mengendalikan tempat-tempat letak kereta berpagar, tingkat bawah tanah atau bangunan bertingkat hendaklah memasang dan menyelenggara di tempat-tempat tersebut, sehingga memuaskan hati pihak berkuasa tempatan, tanda-tanda petak letak kereta dan tanda-tanda arahan yang jelas dan mudah dilihat.

Langkah-langkah mencegah kebakaran di tempat letak kereta tingkat bawah tanah dan bangunan bertingkat

- Alat pemadam api dan alat untuk melarikan diri.** 14. (1) Seseorang pemegang lesen yang menyelenggara atau mengendalikan tempat-tempat letak kereta tingkat bawah tanah dan/atau bangunan bertingkat hendaklah memasang dan menyelenggara di tempat-tempat tersebut, sehingga memuaskan hati pihak berkuasa tempatan, alat pemadam api, penggera kebakaran, tanda-tanda dan tangga-tangga dan jalan-jalan keluar sebagaimana yang mungkin dari masa ke semasa dikehendaki oleh pihak berkuasa tempatan.

(2) Seseorang pemegang lesen hendaklah jika diarahkan oleh pihak berkuasa tempatan menyebabkan supaya tiap-tiap orang yang bekerja di suatu tempat berlesen hendaklah diajar dalam menggunakan alat pemadam api dan penggera kebakaran tersebut.

(3) Seseorang pemegang lesen hendaklah jika diarahkan oleh pihak berkuasa tempatan menyebabkan supaya tiap-tiap penggera kebakaran yang dikehendaki oleh pihak berkuasa tempatan untuk diselenggara di suatu tempat berlesen hendaklah diuji sekali seminggu dan ujian tersebut hendaklah dikendalikan menurut arahan sebagaimana yang mungkin diberikan oleh pihak berkuasa tempatan.

(4) Jika lif-lif ada disediakan di suatu tempat pemegang lesen hendaklah menyebabkan supaya lif-lif tersebut dijaga dan diselenggara menurut peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis berkaitan dengan lif-lif dan juga sehingga memuaskan hati pihak berkuasa tempatan.

(5) Seseorang pemegang lesen hendaklah menyebabkan supaya semua tangga, laluan dan pelantar di dalam dan jalan keluar dari suatu tempat berlesen hendaklah sentiasa tidak dihalang dan supaya tiap-tiap pintu di suatu tempat berlesen hendaklah dibina dan dipasang supaya mudah dibuka.

(6) Seseorang pemegang lesen hendaklah menyebabkan supaya sekiranya tidak ada cahaya semula jadi yang mencukupi tiap-tiap bahagian dari suatu tempat berlesen di mana orang ramai boleh memasukinya termasuk semua laluan hendaklah diterangi sehingga memuaskan hati pihak berkuasa tempatan.

Penyelenggaraan bangunan berlesen

Bangunan berlesen hendaklah diselenggara dengan baik.

15. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah pada setiap masa menjaga tempat berlesen dalam keadaan bersih dan diselenggara sehingga memuaskan hati pihak berkuasa tempatan.

(2) Seseorang pemegang lesen hendaklah juga pada setiap masa menyelenggara tiap-tiap bahagian struktur sebarang bangunan, binaan atau bilik yang terkandung di dalam tempat berlesen dalam keadaan baik dan sempurna.

- Melonggokkan sampah dsb.** 16. Tiada pemegang lesen boleh melonggokkan atau menyebabkan atau membenarkan sebarang sampah, kotoran atau najis dilonggokkan di dalam atau berdekatan dengan suatu tempat berlesen kecuali di dalam tong sampah atau bekas lain yang sesuai yang digunakan bagi maksud itu.
- Pemeriksaan.** 17. Pengerusi atau mana-mana ahli atau pegawai pihak berkuasa tempatan atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh pada bila-bila masa —
- (a) memasuki suatu tempat berlesen dan membuat pemeriksaan sebagaimana yang dianggap perlu;
- (b) membuat pemeriksaan sebagaimana yang dianggap perlu ke atas apa-apa jua yang digunakan oleh seseorang pemegang lesen bagi maksud-maksud atau yang berkaitan dengan pengendalian tempat letak keretanya; dan
- (c) menyoal pemegang lesen itu dan pekerja-pekerjanya.
- Kebenaran dan arahan hendaklah secara bertulis dsb.** 18. Bagi maksud aturan-aturan ini —
- (a) sebarang kebenaran atau arahan pihak berkuasa tempatan hendaklah diberikan secara bertulis dan hendaklah disahkan dengan tandatangan Pengerusi pihak berkuasa tempatan atau seseorang pegawai yang diberi kuasa; dan
- (b) sebarang kebenaran atau arahan seseorang pegawai yang diberi kuasa hendaklah diberikan secara bertulis yang ditandatangani olehnya.
- Hukuman.** 19. (1) Mana-mana orang yang —
- (a) melanggar atau gagal mematuhi peruntukan-peruntukan sebarang aturan ini atau sebarang syarat yang dikenakan di bawah aturan 7; atau
- (b) menandatangani (sama ada sebagai atau bagi pihak seseorang pemohon atau sebagai seorang saksi) sebarang permohonan untuk suatu lesen atau membuat atau memberi sebarang pelan atau

maklumat bertulis yang dikehendaki di bawah aturan-aturan ini dengan mengetahui permohonan, pelan atau maklumat tersebut mengandungi sebarang perkara yang tidak benar dalam sebarang butir mustahak,

adalah melakukan suatu kesalahan di bawah aturan-aturan ini dan hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari dua ribu ringgit.

(2) Apabila disabitkan kesalahan, pihak berkuasa tempatan boleh tanpa notis membatalkan atau menggantung lesen.

JADUAL PERTAMA

ATURAN-ATURAN LALULINTAS JALAN RAYA (BANDAR SERI BEGAWAN)
(TEMPAT LETAK KERETA PERSENDIRIAN), 1997

(ATURAN 5)

PERMOHONAN BAGI SUATU LESEN UNTUK MENYELENGGARA ATAU
MENGENDALIKAN TEMPAT LETAK KERETA PERSENDIRIAN

(nama penuh termasuk nama lain)

1. Nama: _____
Kerakyatan: _____ Nombor K.P./Warna: _____
2. Alamat tempat tinggal biasa bagi pemohon individu:

3. Alamat pejabat berdaftar di Negara Brunei Darussalam bagi pemohon perbadanan:

4. Alamat tempat berlesen yang dicadangkan:

5. Jumlah petak letak kereta yang akan diselenggara atau dikendalikan: _____

NOTA:

- i. Permohonan ini mestilah disertakan dengan pelan tapak dan pelan terperinci yang menunjukkan susunatur yang lengkap dan sempadan-sempadan bagi sebarang tempat berlesen yang dicadangkan.
 - ii. Maklumat mengenai berbagai jenis kemudahan letak kereta dan struktur bayaran mestilah dikemukakan, jika bayaran atau caj dikutip bagi penggunaan tempat letak kereta persendirian.
6. Jenis Lesen yang dipohonkan:
(Sila tandakan dalam kotak yang berkenaan)

Buat kali pertama:

Pembaharuan:

No. Lesen, yang dipohonkan untuk
diperbaharui: _____

Ditandatangani di _____ pada _____ haribulan _____ 19 _____

(Tandatangan biasa pemohon [pemohon-pemohon] individu)

Di hadapan saya _____
(Nama penuh saksi) (Tandatangan biasa saksi)

Ditandatangani oleh _____ (Pengarah/Setiausaha) _____

Syarikat Berhad, pada _____ haribulan _____ 19 _____

(Tandatangan biasa Pengarah/Setiausaha)

Di hadapan saya _____
(Nama penuh saksi) (Tandatangan biasa saksi)

NOTA:

- i. Mana-mana orang yang menyelenggara atau mengendalikan suatu tempat letak kereta persendirian di atas mana-mana tanah atau bangunan tanpa suatu lesen yang sah adalah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah aturan 19 dengan suatu denda yang tidak melebihi dari \$2,000.00.
- ii. Tiap-tiap tandatangan adalah dikehendaki untuk disaksikan.
- iii. Mana-mana orang yang menandatangani (sama ada sebagai atau bagi pihak seseorang pemohon atau sebagai seorang saksi) sebarang permohonan untuk suatu lesen atau membuat atau memberi sebarang pelan atau maklumat bertulis yang dikehendaki di bawah aturan-aturan ini dengan mengetahui permohonan, pelan atau maklumat tersebut mengandungi sebarang perkara yang tidak benar dalam sebarang butir mustahak adalah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah aturan 19 dengan suatu denda yang tidak melebihi dari \$2,000.00.
- iv. Jika sabit kesalahan, Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan boleh tanpa notis membatalkan atau menggantung lesennya.

JADUAL KEDUA

ATURAN-ATURAN LALULINTAS JALAN RAYA (BANDAR SERI BEGAWAN)
(TEMPAT LETAK KERETA PERSENDIRIAN), 1997

(ATURAN 7)

PIHAK BERKUASA MELESEN: LEMBAGA BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN

NOMBOR LESEN: _____

Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Aturan-Aturan yang tersebut di atas, Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan dengan ini memberi lesen kepada Pemegang Lesen yang dinamakan dalam Jadual di bawah untuk menyelenggara atau mengendalikan tempat letak kereta persendirian, di tempat tersebut, mulai dari tarikh ia dikeluarkan sehingga tarikh tamat tempohnya dan tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan dalam Jadual di bawah.

JADUAL

- | | | |
|----|----------------------------|-------------------------------|
| 1. | Nama: | _____ |
| | No. K.P./Warna: | _____ |
| | Alamat/Pejabat Berdaftar: | _____ |
| | | _____ |
| 2. | Kedudukan tempat berlesen: | _____ |
| | | _____ |
| 3. | Tarikh ia dikeluarkan: | _____ |
| 4. | Tarikh tamat tempohnya: | _____ |
| 5. | Bayaran Lesen Tahunan: | _____ |
| 6. | Syarat-syarat (jika ada): | Dicatat di belakang Lesen ini |

Lekatkan gambar pemegang
lesen yang berukuran
pasport di sini.

PENGERUSI

LEMBAGA BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

JADUAL KETIGA

ATURAN-ATURAN LALULINTAS JALAN RAYA (BANDAR SERI BEGAWAN)
(TEMPAT LETAK KERETA PERSENDIRIAN), 1997

(ATURAN 8)

BAYARAN LESEN

Bayaran Lesen adalah dibuat sebagaimana dalam Jadual di bawah:

Bil. Petak Letak Kereta	Bayaran Lesen Sebulan	Bayaran Lesen Setahun
5 – 54	\$10.00	\$120.00
55 – 59	\$20.00	\$240.00
100 – 149	\$30.00	\$360.00
150 – 199	\$40.00	\$480.00
200 – 249	\$50.00	\$600.00
250 – 299	\$60.00	\$720.00
300 – 349	\$70.00	\$840.00
350 – 399	\$80.00	\$960.00
400 – 449	\$90.00	\$1080.00
450 – 499	\$100.00	\$1200.00
500 – 549	\$110.00	\$1320.00
550 – 599	\$120.00	\$1440.00
600 – 649	\$130.00	\$1560.00
650 – 699	\$140.00	\$1680.00
700 – 749	\$150.00	\$1800.00
750 – 799	\$160.00	\$1920.00
800 – 849	\$170.00	\$2040.00
850 – 899	\$180.00	\$2160.00
900 – 949	\$190.00	\$2280.00
950 dan ke atas	\$200.00	\$2400.00''.

Diperbuat oleh Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan pada hari ini 29 haribulan Rabiulawal, Tahun Hijrah 1420 bersamaan dengan 13 haribulan Julai, 1999.

[HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHIDDIN]

Pengerusi

Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam